

04 JUL 1998

Komanwel-Promosi

MUHYIDDIN MINTA PIBG DAPATKAN TAJAAN SWASTA BELI TIKET KL '98

IPOH, 4 Julai (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penjualan tiket bagi Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 boleh ditingkatkan jika empat juta pelajar menyaksikan kejohanan itu.

Katanya, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) seharusnya sudah mula menjalin hubungan dengan syarikat swasta bagi mendapatkan tiket-tiket tajaan untuk pelajar menyaksikan kejohanan yang berprestij itu.

"Penganjur sukan itu, Sukom Ninety Eight Bhd menawarkan tiket pada harga istimewa kepada pelajar dan PIBG boleh berunding dengan syarikat-syarikat swasta bagi mendapatkan tajaan selain berbincang dengan syarikat bas dan keretapi bagi mendapatkan tambang istimewa," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas melancarkan promosi sukan ini peringkat negeri di sini bahawa langkah itu bertujuan menyemai suasana dan semangat KL'98 dikalangan pelajar.

Katanya, Jabatan Pendidikan Perak merupakan negeri pertama menjalankan promosi sukan itu secara besar-besaran.

Kehadiran pelajar acara sukan kedua terbesar di dunia, selepas Sukan Olimpik ini adalah penting kerana selain dapat menyaksikan atlet dunia merebut kejuaraan, mereka juga berpeluang melihat sendiri prasarana sukan yang dibangunkan oleh kerajaan, tambah beliau.

Muhyiddin juga berkata, sekolah boleh menganjur lawatan ke venue-venue kejohanan KL'98 selepas majlis perasmian Kompleks Sukan Bukit Jalil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 11 Julai ini.

Mereka yang berminat, boleh menghubungi Lembaga Stadium Merdeka yang mengurus kemudahan sukan untuk kejohanan tersebut.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah berkata, syarikat swasta di Perak setakat ini berjanji menaja 70,000 tiket untuk kejohanan itu.

Menurutnya, beliau juga menyarankan sektor swasta di negeri ini tidak menganjurkan jamuan malam kepada kakitangan, sebaliknya menghadiahkan peruntukan itu untuk membeli tiket KL'98 bagi menjayakan sukan kebanggaan negara ini.

"Tiket sukan itu juga boleh dijadikan sebagai hadiah perkhidmatan cemerlang kakitangan masing-masing," katanya.

Malek turut menyerahkan wang siling satu sen berjumlah 686,888 yang dikutip oleh Sekolah Menengah Main Convent di sini kepada Muhyiddin.

Pengerusi Eksekutif Ticket Ekspres Sdn Bhd, Datuk Sri Ram Sarma berkata, empat juta tiket telah ditempah sepanjang minggu lepas menjadikan 8 juta tiket dijual setakat ini.

Sementara itu, Muhyiddin mempunyai aturcara sibuk sepanjang hari ini bagi mempromosikan kejohanan itu yang dianjurkan oleh gabungan empat sektor di negeri itu membabitkan warga pendidikan, masyarakat kampung, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Aktiviti promosi keempat-empat sektor itu mewakili seluruh penduduk Perak sebagai sokongan padu rakyat bagi menjayakan kejohanan penting itu.

--BERNAMA

LAT ZB